

CNS1458

R GB 28-11 00217 BA260

BAH

KERAJAAN ARAH KAJI POTENSI DAUN PANDAN

JERTIH, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan satu kajian segera dijalankan terhadap kegunaan daun pandan yang banyak terdapat di negara ini kerana ia mempunyai potensi untuk diproses bagi bahan pewarna dan pewangi asli.

Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor berkata, cadangan itu dibuat Dr Mahathir pada mesyuarat kabinet yang lalu setelah menyedari produk daripada daun pandan mempunyai masa depan yang baik untuk menjadi bahan eksport pada masa depan.

Mardi telah diarah membuat kajian terperinci terhadap daun pandan agar hasilnya kelak boleh dimanfaatkan kepada rakyat terutamanya golongan petani, katanya kepada pemberita, di sini, hari ini, selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran Pasar Jertih dua tahun lalu.

Menurutnya, hasrat Dr Mahathir untuk memperkenalkan daun pandan sebagai bahan eksport timbul daripada keinginan beliau mempromosikan daun pandan sebagai tanaman identiti negara.

Katanya, sekiranya daun pandan didapati berpotensi untuk dimajukan sebagai bahan eksport langkah segera akan diambil bagi menanamnya secara komersil dan menyeluruh di seluruh negara kelak.

Sementara itu, pada majlis itu, 42 mangsa kebakaran itu menerima sejumlah RM90,150 daripada kerajaan negeri Terengganu. Setiap orang menerima antara RM150 dan RM3,000 berdasarkan kerugian yang dialami semasa kebakaran itu pada April 1991. -- Bernama.

W. S. P. K.